

NO.SIRI:  
Untuk kegunaan MPAG



## DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

TAJUK PERKHIDMATAN:

MPAG/SH/71/2024

PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN  
PENGUJIAN 6 UNIT PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS  
PERBANDARAN ALOR GAJAH

1.	Nama Syarikat	:	
2.	No.Telefon	:	
3.	No.Resit	:	

**SENARAI SEMAK  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan  /  bagi dokumen-dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Sebut Harga
1.	Lampiran Q telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tarikh penyempurnaan), ditandatangani dan Cop Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input checked="" type="checkbox"/>
2.	Ringkasan Sebut Harga & Spesifikasi Perkhidmatan (Lampiran D)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga (Sila Lampirkan Profail Syarikat – sekiranya ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Surat Akuan Pembida (Lampiran A1) – (ditandatangani oleh penama dalam sijil)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan / Sijil Penubuhan Syarikat.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (Bekalan / Perkhidmatan - sekiranya ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Penyata Kewangan Terkini 3 bulan Terakhir (Julai, Ogos dan September 2024)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**PENGESAHAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN 6 UNIT PERISIAN  
MAPINFO DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**

<b>ITEM</b>	<b>KANDUNGAN</b>
1.	NOTIS SEBUT HARGA
2.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA – LAMPIRAN A
3.	SYARAT-SYARAT AM – LAMPIRAN B
4.	SYARAT-SYARAT KHAS SEBUT HARGA – LAMPIRAN C
5.	LAMPIRAN Q
6.	RINGKASAN SEBUT HARGA & SPESIFIKASI PERKHIDMATAN – LAMPIRAN D
7.	MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA
8.	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN A1

DOKUMEN MASA TERKAWAL



**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH**  
**NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan, sama ada bertaraf Bumiputera dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<b><u>MPAG/SH/70/2024</u></b>  PERKHIDMATAN SEWAAN BAGI 8 UNIT PENCETAK A3 DAN 3 UNIT PENCETAK A4 SELAMA 5 TAHUN DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH	<p>Kod Bidang: <b>221502-</b> Mesin dan Peralatan Pejabat  <b>ATAU</b> <b>210109 -</b> <i>Hardware and Software Leasing/ Renting</i>  Tarf: Bumiputera / Bukan Bumiputera</p>	<p><u>Tarikh Dokumen Dijual:</u> <b>21 Oktober 2024 (Isnin)</b>  <b>Sehingga</b> <b>28 Oktober 2024 (Isnin)</b></p>	<p><u>Harga Dokumen:</u> <b>RM 50.00</b> Tidak akan dikembalikan</p>	<p><u>Tempat:</u> Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebuh AMJ, Alor Gajah, Melaka.</p> <p><u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u> <b>29 Oktober 2024 (Selasa)</b></p> <p><u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u> <b>12.00 tengah hari</b></p>
<b><u>MPAG/SH/71/2024</u></b>  PERKHIDMATAN PEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN 6 UNIT PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH	<p>Kod Bidang: <b>210103-</b> <i>Software – Supply All Computers Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance</i>  <b>ATAU</b> <b>210104 -</b> <i>Software/ System Development/ Customization and Maintenance Including Data Entry, Data Processing</i>  <b>ATAU</b> <b>210110 -</b> <i>Geographic Information System (GIS) and Services</i></p>			

3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi kategori **bekalan & perkhidmatan** dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat.**
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai pembekal MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun.**
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>
6. Sila lampirkan resit pembelian dokumen sebut harga dan dikepilkannya bersama dokumen sebut harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : 16 OKTOBER 2024

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA****1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA****2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Syarikat adalah dikehendaki melengkapkan segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Lampiran Q
- (b) Lampiran D – Ringkasan Sebut harga & Spesifikasi Perkhidmatan
- (c) Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga
- (d) Surat Akuan Pembida (Lampiran A1)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, Penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

**2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga**

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

**2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut harga boleh menghubungi pejabat berikut untuk penjelasan lanjut:

Unit Perolehan, Majlis Perbandaran Alor Gajah

No. Tel : 06-5562575 No. Fax : 06-5564909

**3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

#### **4. HARGA INDIKATIF JABATAN**

**4.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: SATU RATUS DUA PULUH LIMA RIBU LAPAN RATUS (RM125,800.00) SAHAJA**

4.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

4.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### **1. KEADAAN BARANG**

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

### **2. HARGA**

- (i) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
- (al) Risalah (brouchers), catalog (catalogue) dan lain - lain dokumen hendaklah disertakan dalam Sebut Harga (jika berkaitan). Butiran yang ditawarkan hendaklah dicatatkan dengan terang. Item yang ditawarkan mestilah ditandakan dengan jelas.
- (bo) Jenama (brand), nombor model (jika ada ) dan negara pembuat hendaklah dinyatakan dengan jelas, jika tidak Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.
- (iv) Borang Sebut Harga yang tidak bersih dan dipinda-pinda atau spesifikasi yang diberi dibatalkan, tidak akan diterima.

### **3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item.

### **4. BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5. PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

## **6. PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawaian (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8. PENERIMAAN BARANG/PERKHIDMATAN**

- (i) Penerimaan barang hanya akan dibuat setelah barang-barang diperiksa oleh pihak Bendahari dan/atau wakil-wakil yang telah diberi kuasa.
- (ii) Semua barang yang dibekalkan mestilah barang-barang keluaran semasa baru, tulin serta belum digunakan kecuali bagi tujuan ujian mutu di kilang pembuat (static running).
- (iii) MPAG diberi kuasa berhak membuat penolakan terhadap bekalan barang barang yang rosak atau yang tidak mengikut spesifikasi. Penyebut Harga hendaklah menggantikan barang-barang tersebut dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.
- (iv) Barang yang dibekal hendaklah dijamin dari kecacatannya semasa penerimaan dibuat dan jika terdapat kecacatan Penyebut Harga hendaklah menggantikannya/membaiki kecacatan dengan percuma.

## **9. PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal kecil (i) dan (ii) diatas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

## **9. PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **12. DENDA KELEWATAN PEMBEKALAN BARANG/PERKHIDMATAN**

Denda akan dikenakan kepada Pemberong/Pembekal yang gagal menyempurnakan kerja-kerja pembekalan bagi sebut harga dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab-sebab yang munasabah.

## **BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

## **13. CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

## **14. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

## **15. PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

## **BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

### **16. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### **17. MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### **18. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

### **20. PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHİ UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM**

- (i) Tanpa menjelaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika syarikat, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian/ Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang syarikat mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada syarikat.
- (ii) Setelah penamatatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatatan tersebut.
- (iii) Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan syarikat bersetuju bahawa syarikat tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatkan Kontrak ini.

(iv) **PENGAKUAN**

Saya/Kami bersetuju dan patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan seperti di atas.

T/Tangan: .....

(Penyebut Harga)

T/Tangan: .....

(Saksi)

Nama: .....

Nama: .....

No. K.P.: .....

No. K.P.: .....

Tarikh: .....

Tarikh: .....

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

**SYARAT-SYARAT KHAS**

1. Lokasi pembekalan, pemasangan dan pengujian adalah seperti di alamat berikut:-

- ZAMRI BIN BUANG
- ABDUL KARIM BIN KARATE
- MAS EIRMAWATI BINTI ISTHNIN
- MOHD HAIROL NIZAM BIN IBRAHIM
- NUR LIYANA BINTI MOHD ALI
- MUHAMAD NIZAM BIN A.RAHMAN

Jabatan Perancangan Bandar  
Majlis Perbandaran Alor Gajah  
Lebuh AMJ,  
78000 Alor Gajah, Melaka.

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

LAMPIRAN Q

(Kew 284-Pin 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH  
NEGERI MELAKA

PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN 6 UNIT PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS  
PERBANDARAN ALOR GAJAH

Kepada Penyebut Harga (Nama Syarikat):

.....  
.....  
.....

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh:

Unit Perolehan, Tingkat 1,  
Majlis Perbandaran Alor Gajah,  
Alor Gajah,  
78000 Melaka.

No. Telefon : 06-5562575

Kod bidang Pendaftaran yang relevan dengan  
perkhidmatan ini : **210103 ATAU 210104 ATAU 210110**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
  - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan adalah seperti di **Lampiran A**.
  - 1.2 Sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat yang berlakri serta menulis penjuru sebelah kiri sampul surat tersebut dengan No. Sebut Harga **MPAG/SH/71/2024**.
  - 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada penyebut harga tidak lewat pada jam **12.00 tengahari** pada **29 Oktober 2024 (Selasa)**.
  - 1.4 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari selepas tarikh tutup**.

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan Syarat-syarat Khas	Jumlah Harga (RM)
	Untuk diisi Kementerian / Jabatan	Untuk diisi oleh Penyebut Harga
	<b>PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN 6 UNIT PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH</b>  <b>RINGKASAN SEBUT HARGA &amp; SPESIFIKASI PERKHIDMATAN</b> hendaklah dilengkapkan dan jumlah tawaran adalah sama seperti di <b>Lampiran D</b> .	RM

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.
- (ii) Bekalan/perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - a) Arahan kepada Penyebut Harga seperti di **Lampiran A**.
  - b) Syarat-syarat Am seperti di **Lampiran B**.
  - c) Syarat-syarat Khas seperti di **Lampiran C**.
  - d) Ringkasan Sebut Harga & Spesifikasi Perkhidmatan seperti di **Lampiran D**.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Harga : .....

Nama dan No. K/P: .....

Alamat Syarikat : .....

Tarikh:.....

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN 6 UNIT  
PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH.**

Bil.	Spesifikasi	Kuantiti	Mengikut Spesifikasi (YA / TIDAK)	Harga Seunit	Jumlah Harga(RM)
1	<b>Perpetual License</b>	6			
1.1	<b>Perpetual License Mapinfo Pro New License - Desktop Software (V2023)</b> i. Node Lock Perpetual License ii. Software Maintenance Releases with 1 - year subscription iii. Inclusive with Base Map Bing Layers Functionalities				
	<b>JUMLAH HARGA KESELURUHAN (RM)</b>				

Tempoh pembekalan perkhidmatan : ..... Minggu (**Tempoh siap maksima 12 minggu**)

**COP SYARIKAT**

(TANDATANGAN PEMBEKAL/KONTRAKTOR)  
**NAMA :**  
**NO.KP :**

## **MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

### **LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA**

1. Nama Syarikat : .....

2. Alamat Syarikat : .....

.....  
.....

3. No. Pendaftaran Syarikat : .....

4. No. Telefon/No. Fax : .....

5. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia:

No. Pendaftaran : .....

Tempoh Sah Laku : .....

6. Pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada) :

No. Pendaftaran : .....

Tarikh Tamat : .....

7. Pendaftaran GST dengan Kastam Diraja Malaysia (jika ada) :

No. Pendaftaran : .....

Tarikh Daftar : .....

8. Pengalaman dalam menyediakan perkhidmatan yang sebanding dalam tahun 2022 dan 2023.

BIL	NAMA KEMENTERIAN/ AGENSI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN DILAKSANAKAN	LOKASI
1			
2			
3			
4			
5			

\*Sila sertakan Surat Setuju Terima / Pesanan Kerajaan Bagi menyokong maklumat.

9. Bersama-sama ini disertakan satu salinan yang telah disahkan atau surat-surat akuan seperti yang tersebut dibawah ini:-

- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Penubuhan Syarikat
- ii) Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal dengan Kementerian Kewangan Malaysia
- iii) Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Saya mengakui semua keterangan yang diberikan adalah benar.

.....  
Tandatangan

.....  
Cop Rasmi Syarikat

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Bagi**

**MPAG/SH/71/2024 –PERKHIDMATAN MEMBEKAL, PEMASANGAN DAN PENGUJIAN  
6 UNIT PERISIAN MAPINFO DI MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH.**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... nombor Pendaftaran ..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apasuapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan\*\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
No. KP : .....  
Tarikh : .....  
Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*\*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksyen [Akta 574].
- (ii) \*\*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.